

11 DEC 2002

Mahathir-Lawatan/I

DR MAHATHIR AKAN NILAI SEMULA `DASAR PANDANG KE TIMUR' SEMASA DI JEPUN

Oleh: Harlina Samson

TOKYO, 11 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad antara lain akan menilai semula `Dasar Pandang Ke Timur' yang dilaksanakan di Malaysia sejak 1982, semasa lawatan rasmi dua hari ke sini, bermula esok.

Semasa memberi taklimat kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan Perdana Menteri itu, Duta Malaysia ke Jepun Datuk Marzuki Mohammad Noor berkata lawatan Dr Mahathir itu adalah atas jemputan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi untuk meraikan ulang tahun ke 20 pelaksanaan dasar itu.

Koizumi berpendapat selepas 20 tahun, Malaysia dan Jepun harus mengkaji semula `Dasar Pandang Ke Timur' dan menilai pencapaiannya, kata beliau di taklimat yang diadakan di Kedutaan Malaysia di sini, hari ini.

Marzuki berkata, dasar itu, yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir selepas beliau mengambil alih pucuk pimpinan negara, telah menguntungkan kedua-dua negara khasnya dalam latihan sumber manusia bagi Malaysia sementara bagi Jepun, ia telah mempertingkatkan dan membawa persefahaman lebih baik antara rakyat kedua-dua negara.

Dasar itu, yang pada asasnya menekankan perlunya rakyat Malaysia mencontohi nilai-nilai ketimuran dalam etika kerja dan moral serta pengurusan berkualiti dan kemahiran, diperkenalkan untuk mempelajari rahsia di sebalik kejayaan Jepun dan Korea Selatan.

Marzuki berkata bahwa Dr Mahathir yang akan tiba bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali pada tengah hari esok, dijadual menyampaikan ucapan di seminar mengenai ulang tahun ke 20 `Dasar Pandang Ke Timur' yang dianjurkan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Jepun dan akhbar Nihon Keizai Shinbun.

Lebih kurang 400 peserta termasuk Ketua Setiausaha Kabinet Jepun Yasuo Fukuda dan satu delegasi Malaysia yang diketuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Tan Sri Jamaluddin Damanhuri akan menghadiri seminar itu.

Dr Mahathir mempunyai jadual lawatan yang sibuk dengan beliau juga dijangka mengadap Maharaja Akihito, mengadakan pertemuan dengan Koizumi, dan satu mesyuarat bersama Menteri Kewangan Jepun Masajuro Shiokawa. Satu pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan Jepun dan tokoh-tokoh korporat juga telah diatur.

Antara tokoh korporat Jepun yang akan ditemuinya pada pagi Jumaat ialah presiden dan ketua pegawai eksekutif Mitsubishi, Sumitomo, Hitachi, Sharp, Matsushita dan Daihatsu.

Dr Mahathir juga dijadual melawat Tokyo Disney Sea, taman tema pertama seumpama itu di dunia, untuk memerhatikan inovasi terbaru, teknologi terbaru dan produk-produk animasi.

Di sebelah tengah hari, Perdana Menteri dijangka menyampaikan ucapan di sebuah simposium bertemakan "Islam: Menjalin Keamanan dan Dialog Dalam Dunia Yang Saling Bergantung," di Universiti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Ini simposium yang penting, yang pertama untuk diadakan di Jepun, kata Marzuki.

Simposium itu dianjurkan oleh Universiti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, duta-duta Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Jawatankuasa Islam di Diet (Parlimen Jepun), yang diwujudkan selepas serangan 11 Sept 2001 di Amerika Syarikat, untuk menguruskan isu-isu mengenai Islam.

"Semua duta OIC telah meminta supaya Dr Mahathir menyampaikan ucapan.

Ini bukti jelas sejauh mana mereka menghormati pandangan Dr Mahathir, dan untuk berhujah mengenai Islam," katanya.

Marzuki berkata para peserta simposium itu ialah anggota-anggota Diet, pemimpin korporat dan hinggalah orang biasa.

"Pandangan Dr Mahathir mengenai Islam dan Islam dalam dunia moden dipandang serius oleh dunia antarabangsa," dan menambah kata respons daripada simposium itu adalah baik, dengan kapasiti 400 tempat duduk di dewan itu telah dipenuhi.

Marzuki berkata Dr Mahathir juga akan mengadakan dialog selepas menyampaikan ucaptamanya.

Perdana Menteri kemudian dijadualkan bertolak ke Sendai, di utara Tokyo, untuk lawatan persendirian.

Beliau dijangka berlepas pulang dari Lapangan Terbang Sendai pada Selesa.

-- BERNAMA

HS RM PR